



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HJ KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KENDURI RAKYAT PERINGKAT WP  
KUALA LUMPUR SEMPENA SAMBUTAN  
HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020**

**16 FEBRUARI 2020 (AHAD)**

**PUSAT KOMUNITI GOMBAK SETIA,  
WANGSA MAJU, WP KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamulaikum  
Wabarakatuh

Warahmatullahi

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi  
Malaysiaku

Yang di hormati Pengacara Majlis

YBhg Datuk Dr Shahruddin bin Md Salleh  
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

YB Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew  
Ahli Parlimen Wangsa Maju

YBhg Dato' Nor Hisham bin A. Dahlan  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

YBhg Datuk Hajah Rosida binti Jaafar  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg Datuk Wan Ahmad Uzir bin Hj. Wan  
Sulaiman  
TKSU (Pengurusan & Sosio Ekonomi)  
Kementerian Wilayah Persekutuan

Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan  
selaku wargakota yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat sama-sama berhimpun dalam **Program Kenduri bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2020.**

Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pihak atas inisiatif menganjurkan program ini terutamanya tuan rumah Parlimen Wangsa Maju. Ini juga termasuk kepada semua barisan Jawatankuasa yang telah bertungkus lumus dalam memastikan program ini berjalan lancar yang saya difahamkan melibatkan kesemua 11 parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tidak saya lupakan juga penglibatan semua agensi kerajaan, pihak swasta dan Majlis Perwakilan Penduduk WPKL, badan-badan NGO termasuk kesemua para pemimpin komuniti setempat yang telah menyumbang idea dan tenaga dalam menjayakan program pada hari ini.

# **TEMA DAN OBJEKTIF SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Tahun 2020 merupakan kali ke-16 kita menyambut Hari Wilayah Persekutuan. Tema sambutan pada tahun ini masih dikekalkan sama seperti tahun sebelumnya iaitu “Sayangi Wilayahku” yang dibekalkan seiring dengan usaha integrasi nasional dan kesejahteraan yang menjadi penggerak utama agenda negara.

Saya yakin tema “**Sayangi Wilayahku**” ini akan menjadi penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk di samping menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar

yang maju dan sejahtera dengan persekitaran yang bersih, selesa, kemudahan pengangkutan yang kondusif, infrastruktur yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warganya.

Pemilihan tema ini bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep **sense of belonging** yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan.

# **PENGISIAN PROGRAM HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020**

Kementerian telah menyediakan sebanyak 29 program bagi menyemarakkan SHWP 2020 bagi mengeratkan hubungan warga kota, Putrajaya dan Labuan. Program-program yang dirangka adalah inklusif kepada semua lapisan masyarakat.

Kesemua program dilaksanakan di bawah lima kluster utama iaitu Kluster Pengiktirafan, Kluster Mesra Rakyat, Kluster Sukan dan Rekreasi, Kluster ilmiah dan Kerohanian dan Kluster inisiatif Mensejahterakan Rakyat.

Antara program yang dilaksanakan di bawah **Kluster Pengiktirafan** adalah Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran,

Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada 188 orang penerima yang telah diadakan pada 1 Februari 2020 di Istana Melawati, Putrajaya.

Di bawah **Kluster Mesra Rakyat** pada hari ini dilaksanakan Kenduri Rakyat serta program agensi KWP, PLANMalaysia Bersama Komuniti dan Majlis Perasmian KIOSK@11.

Terdapat 11 program yang dirangka di bawah **Kluster Sukan dan Rekreasi** yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Antaranya adalah Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, Larian Wilayahku, Putrajaya Base Jump, Putrajaya Wall Climbing Challenge, Pertandingan Memancing Putrajaya, Jejak Warisan @ Pintasan Saloma Fun Walk dan

Run for Wilayah yang diadakan pagi tadi di Dataran DBKL, Jalan Raja Laut, WPKL.

Bagi **Kluster Ilmiah dan Kerohanian** pula pada 31 Januari yang lalu, satu Khutbah Khas sempena SHWP 2020 telah diadakan serentak di semua masjid dan surau di Wilayah Persekutuan. Selain itu, Program Prima Dakwah Wilayahku yang mengetengahkan tema perpaduan, keamanan dan kesatuan juga telah dianjurkan.

Di bawah **Kluster Inisiatif Mensejahterakan Rakyat**, terdapat tiga program antaranya Ziarah Kasih SHWP 2020, Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SHWP dan Program Inisiatif Wilayah Peduli WPKL.

Untuk makluman semua, perbelanjaan bagi penganjuran keseluruhan program SHWP pada tahun ini adalah kira-kira RM1.5 juta yang jauh lebih kurang berbanding dengan kos penganjuran pada tahun lepas iaitu RM2.5 juta. Perkara ini jelas membuktikan bahawa KWP menyokong sepenuhnya dasar penjimatan negara yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini.

Pihak KWP sentiasa menggalakkan penglibatan pihak swasta melalui program CSR sepanjang sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini. Program Inisiatif Wilayah Peduli WPKL dan Ziarah Kasih adalah sebagai galakan kepada pihak swasta untuk melakukan program CSR.

**“WILAYAH  
DIPENUHI”**

**PEDULI,**

**HARAPAN**

Para hadirin yang Dihormati sekalian,

Untuk makluman semua, pada tahun lepas KWP telah melancarkan dasar dan hala tuju di bawah program Wawasan Wilayah Persekutuan dengan tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”.

Kementerian sentiasa mendukung usaha kerajaan dalam memastikan kebajikan warga Wilayah Persekutuan. Tema ini menggambarkan usaha warga Wilayah Persekutuan membentuk suasana Peduli, Sihat dan Selamat.

Wawasan ini memfokuskan 6 (enam) paksi utama iaitu bandar raya yang bersih,

keselamatan awam, pengangkutan awam yang cekap, dasar sosioekonomi mapan, persekitaran hijau dan komuniti inklusif. Kesemua ini penting dalam memastikan perancangan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandaraya lestari dan berkualiti dapat diteruskan.

## **INISIATIF KESEJAHTERAAN RAKYAT**

Para hadirin yang Dihormati sekalian,

Fokus Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 2020 ini, akan menjurus lebih kepada inisiatif **“Memperkasa Miskin Bandar, Membina Wilayah Gemilang.”**

Sebagai langkah permulaan, pada 5 Disember lepas, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Seminar

Membasmi Kemiskinan Bandar dengan kerjasama NGO. Hasil dari perbincangan tersebut sebanyak 16 kertas kerja telah dibentang oleh pelbagai pihak dari jabatan kerajaan, NGO, akademik dan tokoh masyarakat.

Satu Pelan Induk bagi menangani isu miskin bandar ini akan disiapkan dalam masa 6 ke 9 bulan akan datang dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan, universiti dan NGO. Melalui pendekatan ini isu kemiskinan bandar serta nasib orang miskin atau lebih tepat lagi Orang Susah di Wilayah Persekutuan dibela sejajar dengan fokus KWP bagi tahun 2020.

Sesungguhnya Kerajaan pada hari ini sentiasa prihatin akan permasalahan yang

dihadapi oleh rakyat jelata dan cuba mencari jalan penyelesaian yang terbaik. KWP dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kementerian sentiasa berusaha memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk terutama di Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat dalam meningkatkan tahap ketersediaan fasiliti seperti lift, dewan-dewan, surau, rumah sampah dan penyelenggaraan jalan.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah melaksanakan Program CSR anak angkat

Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat yang mana Kementerian menggalakkan penglibatan pihak swasta terutama dalam memanfaatkan tanggungjawab sosial pihak mereka dengan mengembalikan sebahagian dari keuntungan perniagaan kepada golongan yang memerlukan.

Mereka tidak perlu memberi sumbangan atas kepentingan politik namun apa yang kita harapkan adalah mereka dapat terus membantu seperti membina dewan terbuka, mengecat bangunan perumahan yang usang, membaiki padang permainan, mengadakan gotong royong dan pelbagai lagi inisiatif membantu perumahan rakyat dan perumahan awam ini.

## **KESIMPULAN**

Para hadirin yang Dihormati sekalian,

Wilayah Persekutuan yang maju dan makmur hanya dapat dikecapi apabila wujudnya keadilan ekonomi dalam masyarakat. Perkongsian penuh dalam kemajuan ekonomi tidak bermaksud perkongsian penuh dalam kemiskinan. Ia mestilah bermaksud imbangan adil dari segi penyertaan dan sumbangan semua kaum – termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Bagi merealisasikan agenda nasional negara melalui Wawasan Kemakmuran Bersama dapat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring

dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Ini seterusnya melahirkan masyarakat yang progresif dan semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru semua warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk sama-sama memajukan diri dan berusaha gigih dalam mencapai kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Justeru itu, saya menyeru agar semoga sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 ini dapat memupuk lagi rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan seiring dengan tema “Sayangi Wilayahku”.

## **PENUTUP**

Di kesempatan ini juga saya sekali lagi mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menggembeleng masa dan tenaga serta kerjasama yang akan diberikan sepanjang program ini berlangsung. Terutamanya Jawatankuasa Penganjur dan khasnya buat tuan rumah dan YB Ahli Parlimen Wangsa Maju.

Dengan lafaz,  
BISMILLAHIRAHMANIRAHIM saya  
dengan ini merasmikan Kenduri Rakyat  
WPKL bagi tahun 2020. Sekian, Wabillahi  
Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum  
WBT.